

Pengaruh media sosial terhadap bencana alam

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI
 nazmy@ukm.edu.my
 Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



MELIHAT fenomena pembentukan puting beliung yang tersebar dalam saluran media sosial kebelakangan ini banyak menimbulkan rasa pelik dan gerun dalam kalangan rakyat. Apatah lagi, ia kini bukan lagi dilihat hanya berlaku di luar negara, tetapi sudah mula berjinak-jinak membada tanah daratan khususnya di utara Semenanjung.

Lebih menggerunkan, pembentukan puting beliung aneh ini telah menyebabkan bumbung dan pokok berterbangan serta meranapkan banyak rumah sepanjang kawasan yang dilaluinya dalam masa berapa minit sahaja.

Berdasarkan ingatan penulis, klip video tentang fenomena ini mulai tersebar dalam saluran media sosial sejak tahun 2013 dan kawasan utara Semenanjung khususnya di Kedah dan Perlis seringkali menjadi sasarannya. Tak kurang juga dengan gambar berkaitan bencana banjir luar biasa yang telah berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Penulis bukanlah seorang pakar dalam seumpama dengannya. Namun, isunya adalah bagaimana kuasa alam semula jadi ini bertembung dengan media baharu yang telah



BENCANA alam merupakan kejadian yang dekat masyarakat. - Gambar hiasan

menambahkan lagi suasana kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

Bimbang

Masyarakat semakin bimbang tentang keselamatan dan kesejahteraan dek kerana kebanjiran maklumat melalui saluran media sosial yang belum semestinya tepat dan sahih.

Fenomena seperti puting beliung, ribut petir dan angin kencang sering dilihat dan dirasakan oleh masyarakat. Timbul persoalan di sini, adakah Malaysia yang dikenali sebagai sebuah negara selamat daripada bencana kini mulai terancam dan tidak selamat untuk diduduki? Jika dilihat apa yang berlaku pada tahun 2014, bencana besar yang melanda Pantai Timur telah menyaksikan peranan media sosial wujud dalam dua arah iaitu membantu dan menimbulkan masalah.

Disebabkan senggatan logistik yang berlaku kepada media tradisional yang ditugaskan untuk membuat liputan dalam kawasan bencana, tugas ini telah diambil alih masyarakat sendiri yang bertindak sebagai wartawan warga. Pemberita tak bertaulah menggunakan saluran media sosial untuk berkongsi dan menyampaikan maklumat di sekeliling mereka.



MAKLUMAT di laman sosial perlu diteliti supaya tidak menimbulkan fitnah atau prasangka buruk. - Gambar hiasan

Selain itu, kecenderungan masyarakat untuk lebih mempercayai berita melalui saluran media sosial dilihat berpotensi memburukkan lagi keadaan sekiranya maklumat yang disampaikan itu tidak tepat atau menyimpang daripada landasan fakta sebenar.

Sesungguhnya sukar untuk manusia membuat telahan tentang perolakan cuaca dan iklim zaman ini yang sudah semestinya dilihat agak luar biasa berbanding beberapa dekad lalu.

Ia diakui sendiri dalam kalangan pakar yang mengkaji iklim dan cuaca seluruh dunia. Mereka hanya mampu mengatakan 'mungkin atau pasti' sesuatu bencana itu akan berlaku, tetapi gagal untuk menentukan sejauh mana kekuatan bencana itu mampu menimbulkan malapetaka kepada manusia.

Keadaan ini jelas dapat dilihat ketika berlakunya bencana banjir dahsyat melanda Pantai Timur pada Disember tahun lalu serta fenomena El Nino

yang menyebabkan kemarau dan jerebu yang menyelubungi seluruh rantau ini.

Dalam hal ini juga, wartawan warga pula dilihat telah memainkan peranan mereka dalam membuat analisis sendiri tanpa menilai kesahihan maklumat. Antara yang mungkin dapat dilihat ketika fenomena puting beliung dan jerebu yang banyak mencuri perhatian rakyat negara ini, telah menimbulkan banyak tanda tanya serta kebimbangan bahawa Malaysia kini sudah menjadi negara mudah dilanda bencana seperti di China dan Amerika Syarikat.

Persepsi

Dalam hal ini, penulis tertarik dengan pandangan yang diutarakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim) Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari dalam sebuah program televisyen baru-baru ini.

Beliau menyatakan peranan fenomena puting beliung yang melanda negara ini bukanlah sesuatu yang dianggap luar biasa. Berdasarkan rekod, ia pernah berlaku di daratan di beberapa buah negeri dan pesisir pantai.

Bagaimanapun, dengan meningkatnya kecanggihan teknologi telefon pintar masa kini, setiap fenomena yang berlaku itu berjaya dirakam dan disebarkan secara pantas melalui saluran media sosial masing-masing.

Jelas di sini menunjukkan bahawa peranan serta pengaruh maklumat melalui saluran media sosial yang wujud ketika ini telah berjaya menimbulkan persepsi dalam kalangan masyarakat bahawa puting beliung menjadi satu fenomena baharu yang kini mulai wujud dan kerap berlaku dalam negara ini.

Begitu juga dengan beberapa peristiwa bencana yang berlaku sebelum ini seperti banjir pada Disember 2014 lalu, media sosial juga memainkan peranan dalam memberi maklumat tidak tepat tentang jumlah kematian mangsa di Pantai Timur.



SETIAP kejadian bencana dapat dimaklumkan secara terus kepada pembaca menerusi media sosial. - Gambar hiasan